

Perdalam sungai, tasik atasi banjir

I POH: Masalah banjir besar yang kerap melanda daerah Kerian saban tahun hingga menyebabkan kerugian berjuta ringgit kepada petani bakal berakhir apabila Kerajaan Perak berusaha mendapatkan peruntukan RM400 juta dari kerajaan Pusat bagi mengatasinya.

Difahamkan, jumlah itu akan dimohon oleh Kerajaan Perak bagi membiayai usaha mendalamkan sungai di kawasan tinggi terutama di Selama dan Lembah Beriah, di sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata, pihaknya yang mendapat penjelasan daripada Jabatan pengairan dan Saliran (JPS), turut bersetuju dengan cadangan mendalamkan tasik Bukit Merah di Kerian bagi menampung air ketika banjir.

Menurutnya, Kerajaan Perak bakal mengemukakan bajet khas berjumlah RM400 juta kepada Kerajaan Pusat bagi menangani masalah itu sekali gus membantu penduduk yang kerap berhadapan masalah itu.

“Cadangan mendalamkan tasik dan sungai itu perlu diteliti dan dilakukan dengan penuh perhatian bagi mengelakkan ia memberi kesan tidak elok pada ekologi dan fauna,” katanya.

Beliau berkata, masalah



ZAMBRY...elak banjir berulang di Kerian

banjir di kawasan itu turut mendapat perhatian daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

“Peruntukan yang dipohon itu bukan saja untuk kos mendalamkan Tasik Bukit Merah, tetapi juga mendalamkan sungai di kawasan berkenaan yang semakin cek.

“Kerja menaik dan membina tebing sungai juga perlu dilakukan bagi memastikan aliran sungai berjalan lancar di kawasan atau kampung tertentu,” katanya lagi.

Sementara itu, Zambry turut mengarahkan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Hashim menyiasat projek marina di Pulau Mentangor, dekat Pu-

lau Pangkor yang tidak beroperasi meskipun siap dibina sejak lima tahun lalu.

“Difahamkan, jeti terapung di marina itu sudah mulai roboh sebab tidak dijaga manakala skru sudah ada yang tercabut dan bahan untuk mengapungkan jeti pula hanyut hingga ke tengah laut.

“Saya juga difahamkan tujuan asal pembinaan projek itu untuk menjadi tempat persinggahan kepada pelayar di seluruh dunia, tetapi apa yang berlaku sekarang amat menyedihkan dan membazirkan wang,” katanya.

Mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2009, projek marina itu sudah siap pada 31 Julai 2007 iaitu terlewat kira-kira empat bulan daripada jadual asal, tetapi belum digunakan setakat akhir 2009.

Sementara, Pekeliling Jabatan Laut Wilayah Utara bertarikh 12 Mac 2010 yang memetik kenyataan Pengarahnya, Roslee Mat Yusof, mengumumkan Marina Awam Pulau Mentangor Lumut mula beroperasi pada 22 Mac tahun berkenaan.

Bagaimanapun, sehingga kini, marina itu dikatakan tidak digunakan dan tiada kemudahan seperti restoran, tempat penginapan dan kedai serbaneka sebagai kemudahan pelayar.